Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd is certified with ISO 9001:2015 for Quality Management; ISO 14001:2015 for Environmental Management; ISO 45001:2018 for Occupational Safety and Health Management; and ISO 17025:2017 for Laboratory Testing. The company observes regular ISO audits, as well as audits by regulatory bodies and customers according to their varying requirements.

Audit ISO memerlukan juruaudit untuk memantau, mengukur, menganalisa dan menilai keberkesanan proses-proses, insan, sistem dan prosedur syarikat. Penelitian rapi di tahap ini memberikan gambaran dan kawalan ke atas prestasi dan arahnya sesebuah perniagaan dan membenarkan syarikat untuk membuat keputusan yang lebih baik. Sementara itu, pematuhan audit ialah ulasan terperinci ke atas pematuhan sesebuah organisasi kepada panduan-panduan perundangan.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd diperakui dengan ISO 9001:2015 untuk Pengurusan Kualiti; ISO 14001:2015 untuk Pengurusan Alam Sekitar; ISO 45001:2018 untuk Pengurusan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan; dan ISO 17025:2017 untuk Ujian Makmal. Syarikat kerap menjalankan audit ISO, termasuk audit-audit yang dilaksanakan oleh badan-badan kawal selia dan pelanggan-pelanggan berdasarkan keperluan mereka yang berbeza.



In order to ensure workplace safety and procedural compliancy, Malaysia LNG (MLNG) and Trienekens Bintulu Branch jointly conducted a Health, Safety and Environment (HSE) audit on 25 March 2022. The scope of the inspection covered risk/hazard identification and corresponding control measures; verification of work procedures compliance; as well as to ensure that the documentation process, equipment, facility and general operations conform to prevalent HSE requirements. MLNG Environment Executive, Stacy Redis (2nd left) and Trienekens' Bintulu Branch Senior Manager, Patricia Susie (3rd right) led the site audit and inspection of the work areas of Trienekens' team at MLNG's premises.

Bagi memastikan keselamatan dan prosedur tempat kerja dipatuhi, Malaysia LNG (MLNG) dan Trienekens Cawangan Bintulu telah menjalankan audit Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) pada 25 Mac 2022. Skop audit meliputi pengenalan risiko/bahaya dan langkah-langkah kawalan yang sewajarnya, mengesahkan pematuhan prosedur-prosedur kerja; dan juga memastikan proses dokumentasi, peralatan, fasiliti dan operasi am mematuhi keperluan-keperluan HSE yang sedia ada. Eksekutif Alam Sekitar MLNG, Stacy Redis (ke-2 kiri) dan Pengurus Kanan Trienekens Cawangan Bintulu Patricia Susie (ke-3 kiri) mengetuai audit tapak dan pemeriksaan ke atas kawasan-kawasan kerja pasukan Trienekens di premis MLNG.



A site audit at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) was carried out on 18 March 2022 by the Department of Environment (DOE) Sarawak's Enforcement unit, led by Imelda Lander ak Gregory Jimos (group photo, 4th left). The inspection aimed to ensure the premise conforms with the Compliance Schedule, Environmental Quality Act 1974.

Satu audit tapak telah dijalankan di Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) pada 18 Mac 2022 oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak, diketuai oleh Imelda Lander ak Gregory Jimos (gambar kumpulan, ke-4 kiri). Pemeriksaan tersebut bertujuan untuk memastikan premis mematuhi Jadual Pematuhan, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

On 14 April 2022, representatives from the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) conducted a workplace assessment (OSHWA) at Trienekens Bintulu Branch. The purpose of an OSHWA is to ensure that all facets of the workplace are aligned with the prevailing legal requirements. Trienekens' Landfill Operations & HSE Senior Executive, Alexander Apan (3rd left) led the company's auditee personnel.

Pada 14 April 2022, beberapa wakil daripada Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (DOSH) telah menjalankan satu penilaian tempat kerja (OSHWA) di Trienekens Cawangan Bintulu. Tujuan sesebuah penilaian OSHWA ialah untuk memastikan semua aspek berkaitan tempat kerja selaras dengan undang-undang sedia ada. Eksekutif Kanan Operasi Tapak Pelupusan dan HSE Trienekens, Alexander Apan (ke-3 kiri) mengetuai kumpulan juruaudit syarikat.



A Scheduled Waste Transportation License inspection was carried out by the Department of Environment (DOE) Sarawak at Trienekens' head office and depot on 16 June 2022. The assessment that involved vehicle exhaust smoke tests and adherence to the Compliance Schedule, Environmental Quality Act 1974 concluded with no issues raised and the company was found to be in compliance with the license conditions.

Satu pemeriksaan Lesen Pengangkutan Sisa Terjadual telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak di ibu pejabat dan depot Trienekens pada 16 Jun 2022. Penilaian tersebut melibatkan ujian asap eksos kenderaan dan pematuhan kepada Jadual Pematuhan, Akta Kualiti Alam Sekitar 1971. Keputusan menunjukkan tiada isu berbangkit dan syarikat didapati mematuhi syarat-syarat lesen.



Trienekens strives to provide quality service to its customers; to be a trusted partner in environmental management and to provide safe and healthy working conditions for its employees. The year 2022 ISO 9001:2015 Surveillance/ ISO 14001:2015 and ISO 45001:2018 Re-Certification Audit was held via a hybrid approach by external certifying body, AJA EQS Certification (M) Sdn Bhd. On 23 - 24 May 2022, the auditors reviewed documents online, which was followed by an onsite verification audit on 20 - 22 June 2022. Trienekens Group CEO, Stephen Chin headed the Trienekens' team of auditees.

Trienekens berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggannya; menjadi rakan yang boleh dipercayai dalam pengurusan alam sekitar dan menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk kakitangannya. Audit Pengawasan dan Pensijilan Semula ISO 9001:2015/ISO 14001:2015 dan ISO 45001:2018 telah diadakan secara hibrid oleh badan pensijilan luar, AJA EQS Certification (M) Sdn Bhd. Pada 23 - 24 Mei 2022, juruaudit telah mengkaji dokumen melalui atas talian diikuti dengan audit pengesahan tapak pada 20 - 22 Jun 2022. Pasukan audit Trienekens diketuai oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin.



On 28 June 2022, Trienekens welcomed representatives from the Atomic Energy Licensing Board (AELB). AELB is the regulatory body which controls and regulates atomic energy activities in Malaysia in ensuring these activities are safe, secure and controlled to protect workers, public and the environment from the effects of ionizing radiation. The Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) is a licensed TENORM waste disposal facility. Trienekens' OBTL/RPO, HSE Senior Manager, Harris Michael (middle) led the AELB license compliance inspection by Sham Smadi Bakri (2nd right) and A Zul Rafiq (far right).

Pada 28 Jun 2022, Trienekens telah menerima kunjungan wakil-wakil daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB). AELB merupakan sebuah badan yang mengawal dan mengukuh aktiviti-aktiviti tenaga atomik di Malaysia dan memastikan aktiviti-aktiviti ini selamat, kukuh dan terkawal untuk melindungi para pekerja, orang awam dan alam sekitar daripada kesan-kesan sinaran pengayunan. Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) merupakan sebuah fasiliti pelupusan sisa TENORM yang berlesen. OBTL/RPO Trienekens, Pengurus Kanan HSE, Harris Michael (tengah) mengetuai pemeriksaan pematuhan lesen AELB oleh Sham Smadi Bakri (ke-2 kiri) dan A Zul Rafiq (hujung kanan).

Trienekens Launches Commuting Safety Programme For Staff

Trienekens Lancar Program Perjalanan Ulang Alik Selamat untuk Staf

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd launched an in-house safety awareness campaign; “7 Safe-Journey Steps” on 26 May 2022 with the aim to improve safety awareness and protect the welfare of its employees, especially motorcyclists; with a vision of achieving zero commuting related incidents.

Launched by Trienekens Group CEO, Stephen Chin; the programme emphasises seven safety aspects and serves as a guide for employees before and during commuting using motorcycle. “The ‘7 Safe-Journey Steps’ programme has a multi-pronged approach to improve safety education, self-awareness, highlighting the risks of material losses, medical costs, injuries or even death resulting from road accidents. I urge each and everyone of you to recognise the critical importance of road safety mindfulness which begins even before you start a journey,” he explained.

Chin also thanked the programme committee members, who had come together to examine the most common causes of commuting related incidents and identify the best preventive actions. The committee comprised of both management and workers representatives was led by HSE Senior Manager, Harris Michael.

Engagement and briefing sessions by the committee members were conducted from 24 - 27 May 2022 where the workers also shared their experiences when riding and discussed ways to identify hazards while on the road.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd telah melancarkan satu kempen kesedaran keselamatan dalaman; “7 Langkah Perjalanan Selamat” pada 26 Mei 2022 bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran keselamatan dan melindungi kebajikan para pekerjanya, terutamanya penunggang motosikal; dan berusaha ke arah mencapai sifar kemalangan yang berkaitan dengan perjalanan ulang-alik.

Dilancarkan oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, program tersebut menekankan tujuh aspek keselamatan dan menjadi panduan untuk para pekerja merancang perjalanan mereka sebelum dan selepas berulang-alik dengan motosikal. “Program ‘7 Langkah Perjalanan Selamat’ ini mengambil pendekatan pelbagai serampang untuk meningkatkan pendidikan keselamatan, kesedaran diri dan menjelaskan risiko kehilangan harta benda, kos rawatan, kecederaan dan juga kematian akibat kemalangan jalan raya. Saya menggesa setiap pekerja mengenali kepentingan keselamatan jalan raya sebelum memulakan perjalanan,” terang beliau.

Chin juga mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa program keselamatan, yang telah ditubuhkan untuk mengkaji punca-punca kemalangan yang berkaitan dengan perjalanan ulang-alik dan mengenal pasti tindakan-tindakan pencegahan. Ahli jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil pengurusan dan pekerja dan diketuai oleh Pengurus Kanan HSE, Harris Michael.

Sesi penglibatan dan taklimat oleh ahli jawatankuasa telah diadakan dari 24 – 27 Mei 2022 di mana pekerja juga telah berkongsi pengalaman mereka semasa menunggang motosikal dan membincangkan cara-cara mengenali bahaya ketika di jalan raya.



(Clockwise from left) Trienekens Group CEO, Stephen Chin (2nd right) launched the campaign; staff awareness briefing sessions were rolled out; attendees of the campaign’s official launch in a group photo.

(Ikut arah jam dari kiri) Kumpulan CEO Trienekens, Stephen Chin (ke-2 kiri) melancarkan kempen, sesi taklimat kesedaran diadakan; kakitangan yang hadir bergambar bersama di acara perasmian.

Serving The Community Berkhidmat untuk Komuniti

Being a socially responsible business, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd strives to operate ethically and sustainably; dealing with environmental and social impacts with careful consideration of human rights, the community, environment and society in which it operates. Through a broad range of corporate social responsibility (CSR) programmes that includes education, philanthropy and volunteerism, the company ultimately aims to contribute its part in building a vibrant, healthy, safe and environmentally sustainable community.

Sebagai sebuah perniagaan yang memiliki tanggungjawab sosial, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd berusaha untuk beroperasi secara beretika dan lestari; menangani impak-impak alam sekitar dan sosial serta mengambil kira hak-hak asasi manusia, komuniti, alam sekitar dan masyarakat di tempat ia beroperasi. Melalui program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang melibatkan pendidikan, kedermawanan dan sukarelawan, syarikat berusaha untuk membina komuniti yang sihat, selamat dan alam sekitar yang lestari.

Corporate Sponsorships / Sumbangan Korporat

Trienekens recently supported several local community events by contributing gifts and prizes for the organised activities. Baru-baru ini, Trienekens telah menyokong beberapa acara komuniti melalui sumbangan berbentuk cenderahati dan hadiah-hadiah untuk beberapa aktiviti yang telah dianjurkan.



FOR THE TEACHERS... (left photo) CSR Department Manager, Janet Balong presents the company's contribution to a representative from SK St. Alban, Sungai Tapang in support of the school's Teacher's Day event, while (right photo) Department Manager for Projects, Julius Salok Kassy hands over hampers of electrical goods to a representative from SK St. Augustine Mambong for the same cause.

UNTUK GURU... (foto kiri) Pengurus Jabatan CSR, Janet Balong menyampaikan sumbangan syarikat kepada wakil SK St. Alban (M) Sungai Tapang sempena sambutan Hari Guru sekolah tersebut. (foto kanan) Pengurus Jabatan Bahagian Projek, Julius Salok Kassy menyerahkan hamper berupa barangan elektrik kepada wakil SK St. Augustine Mambong untuk sambutan yang sama.



A representative from Puncak Borneo receiving hampers from Trienekens' Procurement and Finance Department Manager, Cecilia Law (right) in conjunction with Puncak Borneo Women's Day 2022 event's lucky draw.

Wakil Puncak Borneo menerima hamper dari Pengurus Jabatan Perolehan dan Kewangan, Cecilia Law (kanan) untuk cabutan bertuah sempena sambutan Hari Wanita Puncak Borneo 2022.

Trienekens sponsored the lucky draw grand prize for Kampung Mambong's Gawai Dayak 2022 Closing Ceremony. Corporate Communications Division Manager, Julan Yu Abit (right) handed over the company's contribution to a representative of Kampung Mambong.

Trienekens telah menaja hadiah utama bagi cabutan bertuah untuk Kampung Mambong sempena Majlis Penutupan Gawai Dayak 2022. Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Julan Yu Abit (kanan) menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil Kampung Mambong.

MJC Murals Add Colour And Character To The City

Mural MJC Meriahkan Warna dan Perwatakan Bandaraya



MURAL CHAMPION... Team Fiasco emerged as the contest champion, bringing home a cash prize of RM3000.00. Sarawak Deputy Premier and Minister for Public Health, Housing and Local Government; YB Dato Sri Professor Dr. Sim Kui Hian (3rd right) presented the prize to the group's representative, Muhd Mizwaruddin bin Mecial (3rd left). Looking on are (from right) Trienekens Group CEO Stephen Chin; MPP Chairman YB Ir. Lo Khare Chiang; MPH LG Permanent Secretary, Datu Antonio Kahti Galis; MPP Deputy Chairman, Cr. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim and MJC Director Raymond Sim.

JUARA MURAL... Team Fiasco muncul sebagai juara pertandingan, membawa pulang hadiah wang tunai RM3000.00. Hadiah tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Premier Sarawak, dan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Dato Sri Professor Dr. Sim Kui Hian (ke-3 kanan) kepada wakil kumpulan, Muhd Mizwaruddin bin Mecial (ke-3 kiri). Penyampaian hadiah tersebut disaksikan oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin; Pengerusi MPP, YB Ir Lo Khare Chiang; Setiausaha Tetap KAPKT, Datu Antonio Kahti Galis; Timbalan Pengerusi MPP, Cr. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim dan Pengarah MJC, Raymond Sim.

The Padawan Municipal Council (MPP), together with Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd and MJC City Development Sdn Bhd endeavoured to brighten up the MJC Batu Kawah New Township in Kuching with the launching of the "My City, My Home, Clean and Green" mural painting competition in April 2022.

Aiming to beautify the bin centres of the township whilst promoting the message of clean, healthy and sustainable living in urban Kuching; the contest culminated with a prize-giving ceremony graced by Sarawak Deputy Premier and Minister for Public Health, Housing and Local Government; YB Dato Sri Professor Dr Sim Kui Hian on 26 May 2022. Also present at the event were Permanent Secretary of Ministry of Public Health, Housing and Local Government (MPHLG), Datu Antonio Kahti Galis; MPP Chairman YB Ir. Lo Khare Chiang; MPP Deputy Chairman and the competition's Organising Committee Chairman, Cr. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim; Trienekens Group CEO, Stephen Chin and MJC Director Raymond Sim.

Trienekens Group CEO, Stephen Chin said that the competition was a great way to infuse the message of environmental protection with creative art. Thanking the organising committee and judges for their hard work and support in making the event a success he added, "Educating and raising public awareness about sustainable living has always been an important goal of Trienekens. Delivering this message through works of art is a great way to reach out to the communities and we are indeed honoured to be included in this project."

The wall mural competition was open to individuals, local artists, college and university students aged 18 years and above, who could enter as an individual or as a group of up to five people. Meanwhile, the jury panel comprised of arts and design experts from Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Swinburne University of Technology (Sarawak Campus) and Artsy Daphy Enterprise.



Champion Team Fiasco with their winning design.

Pasukan Juara Team Fiasco bersama rekaan mereka yang telah menjuarai pertandingan.

Majlis Perbadanan Padawan (MPP), bersama Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd dan MJC City Development Sdn Bhd telah bergabung tenaga mewarnakan Bandar Baru MJC Batu Kawah di Kuching melalui satu pertandingan melukis mural “My City, My Home, Clean and Green” pada April 2022.

Bertujuan untuk mengindahkan pusat-pusat tong sisa di kawasan tersebut dan juga menyampaikan mesej bersih, sihat dan gaya hidup lestari di urban Kuching, pertandingan tersebut telah diakhiri dengan satu majlis penyampaian hadiah yang dihadiri oleh Timbalan Premier Sarawak, dan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Dato Sri Professor Dr. Sim Kui Hian, pada 26 Mei 2022. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKAPKT), Datu Antonio Khati Galis; Pengerusi MPP YB Ir Lo Khare Chiang, Timbalan Pengerusi MPP dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Cr. Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim; CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin dan Pengarah MJC Raymond Sim.

CEO Trienekens, Stephen Chin berkata pertandingan tersebut merupakan cara terbaik untuk menggabungkan mesej perlindungan alam sekitar melalui seni kreatif. Mengucapkan terima kasih kepada penganjur dan panel hakim di atas usaha gigih dan sokongan mereka dalam menjayakan acara tersebut, beliau menambah, “Mendidik dan meningkatkan kesedaran awam tentang kehidupan lestari sememangnya matlamat utama Trienekens. Menyampaikan mesej ini melalui hasil tangan seni ialah cara yang terbaik untuk menjangkau komuniti dan kami amat berbesar hati kerana terlibat di dalam acara ini.”



Second Place winner, Joan Law brought home a cash prize of RM2500.00. Pemenang tempat kedua, Joan Law membawa pulang hadiah wang tunai RM2500.00.



Team PSV IGTAR led by Muhd Rafiuddin bin Abdurahim won the third prize of RM1500.00. Team PSV IGTAR diketuai Muhd Rafiuddin bin Abdurahim memenangi tempat ketiga dengan hadiah wang tunai RM1500.00.

Pertandingan mural tersebut dibuka kepada individu-individu, pelukis-pelukis tempatan dan pelajar-pelajar universiti berumur 18 tahun ke atas. Penyertaan dibuat secara individu atau berpasukan dengan maksimum lima orang ahli. Sementara itu, panel hakim pula terdiri daripada pakar-pakar seni dan reka bentuk daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Swinburne University of Technology (Sarawak Campus) dan Artsy Daphy Enterprise.



Two merit prizes worth RM1000.00 each were won by Team Rio (left) and Anne Boyer respectively. The remaining four consolation prize winners won RM500.00 each.

Dua hadiah merit bernilai RM1000.00 setiap satu dimenangi oleh Team Rio (kiri) dan Anne Boyer. Pemenang saguhati yang selainnya pula telah memenangi RM500.00.



Promotions / Kenaikan Pangkat



Alexander Bin Apan
Senior Executive, Landfill
Operations & HSE
*Eksekutif Kanan, Operasi Tapak
Pelupusan & HSE*



Matu Anak Grang
Supervisor, Scheduled Waste
Penyelia, Sisa Terjadual



Donny Anak Jacob Nomod
Junior Mechanic, Maintenance
Mekanik Muda, Penyelenggaraan



Anlick Anak Sikaris
Junior Technician, Maintenance
Juruteknik Muda, Penyelenggaraan



Nor Nesfu Bin Spuan
Machine Operator, Landfill
*Pengendali Mesin, Tapak
Pelupusan*



Jovanno Spear Anak Johnny
General Operations Assistant I,
Landfill
*Pembantu Operasi Am I, Tapak
Pelupusan*



Wira Anak Podin
General Operations Assistant II, Landfill
*Pembantu Operasi Am II, Tapak
Pelupusan*



Joshua Kuan Anak Ammong
Driver
Pemandu



Andre Anak Jipung
Driver
Pemandu

New Team Members / Tenaga Kerja Baru

Kuching Headquarters & Depot/ Ibu Pejabat Kuching & Depot



Alicia Chai
Executive, Corporate
Communications
*Eksekutif,
Komunikasi
Korporat*



**Valentin
Anak Joel**
Junior Mechanic
Mekanik Muda

Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP)



**Alick Davidson
Anak Elciana**
Engineer, Landfill
*Jurutera, Tapak
Pelupusan*



**Drofcilaw
Anak Cosmas**
Mechanical
Maintenance
Technician
*Juruteknik
Penyelenggaraan,
Mekanikal*

Labuan Branch / Cawangan Labuan



Rezal Bin Wahid
Supervisor,
Operations & HSE
*Penyelia, Operasi
& HSE*

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win SONY Wireless Headphones.

Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang memenangi sepasang Fon Kepala Bluetooth SONY.



Congratulations to Christopher Emile Rossem, winner of last issue's Spot the Difference contest. He brought home a SONY Portable Bluetooth Speaker!

Tahniah kepada Christopher Emile Rossem, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Beliau membawa balik sebuah Speaker Bluetooth Mudah Alih SONY!



Please send in your entry to the following address before **15 November 2022**. Late entries will not be entertained.

*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum **15 November 2022**. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.**

216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTL D,
93250 Kuching, Sarawak.

Personal Details/ Butiran Peribadi

Name/Nama

IC No./No. KP

Are you a Trienekens' Staff?/Adakah anda pekerja Trienekens? Yes/Ya No/Tidak

(If yes / Jika ya) Trienekens' Employee No. / No. Pekerja Trienekens:

Address/Alamat

Tel. No./No. Tel



Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)
“Your Trusted Partner In Environmental Management”

Headquarters (Kuching)

216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLA,
93250 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Tel : +6082 610700
Hotline : +6082 612300
Fax : +6082 620120
Email : customer-care@trienekens.com.my

Bintulu Branch & Depot

Lot 4034 Block 26,
Kemena Land District,
Kidurong Light Industrial Estate,
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu,
Sarawak, Malaysia.

Tel : +6086 253959
Fax : +6086 253115
Email : customer-care@trienekens.com.my

www.trienekens.com.my